

**KERTAS KERJA
CADANGAN DAN RASIONAL KARYA
BAKAT MUDA SEZAMAN 2021**

SENI DI LOKASI

ART ON SITE

DI SUSUN OLEH:

MUHAMMAD WARDI BIN MD NAZIR
(PENGKARYA)

KOTA BHARU, KELANTAN
MALAYSIA

JUN 2021

KANDUNGAN

- 1) Pengenalan
- 2) Cadangan Karya Akhir Lengkap Dengan Penerangan
 - a. Penerangan Karya
 - b. Penilitian Karya
 - c. Penyataan Karya
 - d. Karya Terbaharu yang akan dihasilkan
 - e. Senarai Bahan Dan Kelengkapan
 - f. Manual Pemasangan Karya
 - g. CV Pelukis

Pengenalan

Bismillahirahmanirahim,

Segala puji bagi Allah SWT, kerana memberi ruang dan akal fikiran dalam menyatakan pendapat serta buah fikiran dalam kertas cadangan bakat muda sezaman 2021, seni di lokasi. Hasrat cadangan kertas kerja ini dibuat bagi memperlihatkan cadangan karya yang akan dibuat di lokasi dan beberapa keperluan lain untuk memudahkan pihak Balai Seni Negara memahami apakah yang cuba dipersembahkan dalam penghasilan karya kali ini.

Pengkarya mendokong penuh usaha dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Balai Seni Negara yang sudi meneliti idea dan permahaman yang cuba diketengahkan sebagai karya BMS 2021. Segala kekurangan yang terkandung dalam laporan ini, pengkarya memohon maaf. Kepada pembaca yang budiman, pengkarya menerima dengan tangan terbuka apa jua nasihat dan kritikan dari pembaca laporan ini.

Harapan pengkarya adalah agar laporan cadangan karya ini dapat memberi manfaat kepada diri, masyarakat dan negara dalam membantu mengembangkan ilmu pendidikan dan seni kontemporari Malaysia.

Wardi Nazir

Kota Bharu, Jun 2021

2. Cadangan Karya Akhir Lengkap Dengan Penerangan

a) Penerangan Karya

Karya cadangan ini dinamakan sebagai **Permit Kaseh Budaya** (PKB). Binaan karya ini adalah kajian seni instalasi yang mendiskusikan isu dan perspektif terhadap tradisi Dikir barat yang mana merupakan suatu kesenian tradisi masyarakat Kelantan serta menjadi nafas kepada pengkarya yang juga terlibat secara langsung dengan kesenian itu. Melihat kepada struktur asas, medium yang diadaptasikan adalah dari bahan semula jadi seperti bahan kayu dan media campuran digital elektronik yang cuba disuaipadankan dengan konteks semasa yang dialami pengkarya. Sistem nilai dan tradisi serta identiti rakyat dihubung bersama digital demi mencari keindahan tentang persoalan jarak usia muda pengkarya dalam proses memangku budaya setempat?

b)Penitian Karya

Permit Kaseh Budaya (PKB) membawa suatu kajian seni instalasi muzik tradisional yang bakal “di mainkan” dalam sistem pembesar suara (*amplifier*) dan dihubungkan terus ke bahagian *speaker*. Bunyi-bunyi tersebut digubal oleh pengkarya sendiri hasil pengamatan alunan, rentak, paluan, bit-bit dan tempo dari pinjaman rakaman alatan muzik pengkarya. Saringan demi saringan rakaman akan dijalankan dan terus dipindahkan ke ruangan simpanan perisian komputer. Hasil “saringan” akan diumumkan melalui bentuk rakaman ke fail berbentuk MP3 dalam storan pendrive. Kemungkinan, fail MP3 yang dicucuk pada ruang “amplifier” dapat di mainkan dengan sempurna, mungkin tidak. Namun, percubaan tetap terjadi dan boleh berubah.

c.Penyataan Karya

Karya ini adalah perentasan masa pengalaman diri, fikiran dan jiwa pengkarya terhadap rumpun pasca tradisi seni dikir barat di Kelantan. Menurut sejarah, pada 1990an, seni dikir barat pernah diharamkan kerana lirik dan persembahannya bercanggah dari asas panduan Islam. Kini, perubahan telah berlaku, kesenian dikir barat kembali kepada bentuk entiti mithali dan wahana nasihat, kisah-kisah rakyat serta menjadi tunjang ketaatan kepada Tuhan,.

Mendokong tradisi bermula ketika pengkarya dizaman kanak-kanak apabila tiba sahaja waktu malam, maka akan lalu pintasan bunyi-bunyian alat muzik melintasi ruangan pendengaran. Ketika itu, ianya sangat futuristik, kerana suasana dahulu tanpa gelombang **WIFI** atau **celular data internet**, tapi gelombang hati boleh mengenal bunyi. Dikir barat bukan hanya hiburan namun sarat dengan segala bentuk informasi terkini tentang, perihal ekonomi, usaha politik, sosio budaya, perihal penyakit yang disyarahkan oleh Tukang Karut secara spontan, dan dikategorikan sebagai pensyarah media massa bagi rakyat kampong sebelum datang capaian internet.


Jika Tok Jogho menyampaikan lagu Nasib Petani Kampung, maka ulasan selepas itu akan diulas penuh isi-isi oleh Tukang Karut. Ini sebenarnya sumber bekalan pengetahuan dan ilmu sebelum kehadiran carian **Google**. Pengkarya memiliki satu kelebihan kerana melihat pasca tradisi ini seolah suatu **New Media** aneh. Tiada alat perakam yang canggih ketika itu namun getaran muzik tradisional seolah melekat, sukar dipadamkan dan storan deria dengar telah dikurniakan oleh Allah itu sebenarnya jelas tanpa had.

Karya ini disusun dalam bentuk kajian seni instalasi bagi memenifestasikan suasana dan keindahan tradisi dikir barat. Kawalan perasaan tentang tradisi dikir ini disemai lebih dulu dari Bonda pengkarya. Hakikatnya, ini juga merupakan salah satu pendidikan tidak formal bagi pengkarya. Dalam menentukan apa tindakan, maka akan teringat kandungan-kandungan nasihat dalam lagu-lagu dikir barat. Dalam membentuk tamadun bangsa jua, tradisi masyarakat adalah pendidikan awal yang selalu terlepas pandang, mungkin ada jua menaksirnya sebagai kurang penting atau ralat untuk menyatuni.


Data-data pengalaman lalu diterjemahkan kepada rangka-rangka seni installasi. Bentuk segi tiga yang menempatkan ruangan “speaker” tertutup telah mengingatkan pengkarya kepada lirik irama “..Waa..Waa Bule.. Waa Bule Teraju Tigo...” oleh arwah Seman Wau Bulan. Sehingga sekarang lagu tersebut masih menjadi irama penutup seluruh persembahan dikir barat. Karya ini mungkin disiar langsung, berlatarbelakangkan pokok getah. Pengkarya memilih pokok getah yang masih muda dan belum sampai ukurlilit untuk “ditoreh”. Pengkarya melihat kepada keindahan alam serta etika penanaman baris batang pokok getah secara “penjaraikan”. Mungkin untuk amalan pertanian yang baik, bagi proses torehan bila matang nanti atau untuk kelestarian kesuburan batang hingga akar umbi. Mungkin juga pengkarya meneliti tentang nasib warga seniman tradisi kini, dalam konteks kepentingan kesihatan global yang terkena tempias hingga rumpun ceruk desa. Kata istilah “menoreh” barangkali diterjemahkan kepada tugas atau kerja.

Secara fizikal, penjaraikan itu baik. Ada kala jarak ini memberi gangguan. Jarak tradisi dan digital elektronik memberi stigma yang berbeza kepada sesiapapun, Namun, fenomena dan rentak itu boleh kawal atau tak terkawal. Karya Permit Kaseh Budaya adalah suatu persoalan tentang dokongan dan proses memangku budaya tradisi susur jambatan kehidupan pengkarya. Adakah jarak dahulu boleh merentasi masa melalui bantuan media elektronik? Adakah tradisi dan media elektronik harus dijauhkan? Atau mungkin kita sedang didekatkan kembali dengan masa lalu untuk mendepani halusinasi masa depan ? Proses memangku ini mungkin mendekatkan kita dengan diri, mungkin cara melihat sosial masyarakat, tatakelola hidup resmi padi, serta yang paling kuat adakah melihat tradisi itu kepada hubungan alam dan penciptaNya


d) Karya Terbaru yang akan dihasilkan



LAKARAN CADANGAN KARYA SEBENAR. KAJIAN INSTALASI KAYA “PERMIT KASEH BUDAYA”



LAKARAN SECARA DEKAT, KAJIAN INSTALASI KARYA “PERMIT KASEH BUDAYA”




LAKARAN KAJIAN INSTALASI KAYA “PERMIT KASEH BUDAYA”

e) Senarai Bahan Dan Kelengkapan Karya Kajian Instalasi "Permit Kaseh Budaya"

- 1) -Bahan Campuran
- 2) -Amplifier
- 3) -Mp3/ Pendrive/ CD
- 4) -Kayu
- 5) -Bitumen
- 6) -MDF Board
- 7) -Speaker
- 8) -Wire
- 9) -Kayu Getah/Kayu Pauh/Kayu Rambutan
- 10) -Plug 3 Pin

f) Manual Pemasangan Karya Kajian Instalasi "Permit Kaseh Budaya"



Wardi Nazir

Born in 1994,

Kubang Kerian,Kota Bharu, Kelantan,Malaysia.
Lives and works in Kelantan, Malaysia.

Education

Bachelor of Fine Art, Faculty Of Art and Design, University Teknologi MARA Perak, Malaysia.

Diploma in Fine Art, Faculty Of Art and Design, University Teknologi MARA, Machang, Kelantan, Malaysia.

Selected Group Exhibition

- 2017** Group Exhibition “School Of Thought” (SOT), White Box Publika Solaris, Dutamas, Kuala Lumpur, Malaysia.
9th March 2017. Opening 8PM. Segaris Art Gallery Kuala Lumpur, Malaysia.
- Group Exhibition “Metaxy” (Di-antara), Gallery Al-Biruni UiTM Perak, Malaysia.
- 2016** Group Exhibition “Walking Throught Heritage”, Perbadanan Muzium Negeri Kelatan, Malaysia. Category Drawing Heritage Dikir Barat.
- 2013** Group Exhibition “Diploma Show UiTM”, UiTM Machang, Kelantan, Malaysia.
- Group Exhibition “Dari Tampak Ke Mujarad”, UiTM Machang, Kelantan, Malaysia.

Experience and Achievement

- 2016** “Assistant Crew” in artwork project Singapore Binalle 2016,
Artwork Putar Alam Cafe(PAC), Artist: Azizan Paiman. UiTM Perak, Malaysia.
- “Assistant Crew” in Experimental Installation : Artist Fadly Sabran: at ARTWEEK Festival Ipoh, Perak, Malaysia.
- Participated Lecture Workshop Sound Art with Anna Mikhlova, Perak, Malaysia.
- Participated Art Project: Stone Painting, Artspace Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Performances Sound

2017 “Bunyi Sunyi #4”, Kamal Sabran (MAS), Wardi Nazir (MAS), Junichi Usui (JAP), Experimental Music Session, Malaysia.

Award

2016 “Consolation” Kelantan Art Open Competition, Muzium Negeri Kelantan.

Performance and Competition

2017 Competition Performances: Dikir Barat Dakwah Kebangsaan 2017, Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

2016 Competition Art Open Negeri Kelantan, Visit To Kelantan 2016.

Participated : Program Lukisan Mural Pencegahan Rasauah SPRM Perak, Malaysia.

Anna Mikhloiva (International Art Lecture Workshop): Experimental Art :7 December 2016 at Kapal Lorek Artspace, Perak, Malaysia.

Trainer: Session: Serlahan Seni Akademik Bintang SPPK, 2016, Kelantan Malaysia.

2015 Participated In Show Performances Dikir Barat At Parlimen Malaysia.

Perhimpunan Aseansai (Asosai) Jabatan Audit Negara.

2014 Competition Dikir Barat Piala Dato Zul Wisma, Kelantan, Malaysia.

2011 Competition: Mural Painting, SMK Putri Saadong, Kelantan, Malaysia.

Third, Competition: Menulis Cogan kata, Peringkat Negeri Kelantan, Malaysia.

2010 Competition : Pesta Pantai 2010, Visit To Kelantan, Malaysia.

Competition: Dikir Sihat Siri II, Kementerian Kesihatan Malaysia.

2006 Competition: Dikir Barat Peringkat, PPD Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

2005 Competition: Dikir Barat Peringkat PPD Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.